

1MDB terima tawaran untuk Edra

1Malaysia Development Bhd (1MDB) semalam menerima tawaran akhir, terikat dan yang dibiayai sepenuhnya daripada tiga pelabur strategik yang terdiri daripada pihak tempatan dan antarabangsa bagi penjanaaan ekuiti dalam anak syarikatnya, Edra Global Energy Bhd.

“Penerimaan tawaran itu menandakan satu kejayaan penting berkaitan pelaksanaan pelan rasionalisasi, yang pertama kali diumumkan Kementerian Kewangan pada 29 Mei 2015,” kata 1MDB dalam satu kenyataan, semalam.

Untuk tempoh beberapa minggu akan datang, 1MDB akan melaksanakan penilaian terhadap tawaran yang diterima, termasuk mengkaji semula terma dan syarat perjanjian muktamad bahawa pihak sudah dicadangkan dan mendapatkan penjelasan yang diperlukan.

Seperti dinyatakan sebelum ini, lembaga pengarah akan dipandu oleh, antara lain, nilai memaksimumkan kepada pemegang saham 1MDB, menguruskan kepastian dan syarat adil serta munasabah dalam menilai tawaran itu.

“Kami menjangka untuk memeterai perjanjian muktamad dengan pihak yang dipilih tidak lama selepas proses penilaian dan perundingan itu selesai, sebelum akhir tahun 2015.

“Kami akan terus membuat pendedahan yang bersesuaian apabila terdapat perkembangan selanjutnya,” tambah kenyataan itu.